

15.1.2020

KENYATAAN MEDIA
oleh **YAB TUAN CHOW KON YEOW**,
Ketua Menteri Pulau Pinang.

AMARAN SITUASI AIR PULAU PINANG: SIMPANAN AIR EMPANGAN ADALAH RENDAH

- Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan PBAPP mohon kerjasama dan sokongan rakyat untuk jimat air dan gunakan air secara berhemat ketika musim kemarau 2020.**

PULAU PINANG, Rabu, 15.1.2020: Kapasiti efektif dua empangan utama di Pulau Pinang jauh lebih rendah daripada biasa, disebabkan oleh jumlah hujan yang rendah tahun lepas.

Sehingga semalam (14.1.2020), kapasiti efektif Empangan Air Itam dan Empangan Teluk Bahang adalah seperti berikut:

Empangan	Kapasiti Efektif
1 Empangan Air Itam	62.0%
2 Empangan Teluk Bahang	39.5%

Perbandingan kapasiti efektif empangan pada 2020 berbanding 3 tahun lepas.					
Empangan	14.1.2020	14.1.2019	14.1.2018	14.1.2017	
1 Empangan Air Itam	62.0%	88.7%	97.5%	99.4%	
2 Empangan Teluk Bahang	39.5%	81.4%	98.6%	100.0%	

Hujan yang kurang untuk 4 bulan lepas, berikutan perubahan iklim dikenal pasti sebagai faktor utama.

Dalam tempoh September hingga Disember 2019, jumlah hujan yang direkodkan di Empangan Air Itam adalah 702mm. Ia bersamaan dengan 44.5% daripada purata 3 tahun iaitu 1,577mm, yang direkodkan dalam tempoh yang sama untuk 2016, 2017 dan 2018.

Sementara itu, jumlah hujan sebanyak 1,732mm direkodkan di Empangan Teluk Bahang dalam tempoh September hingga Disember 2019. Ia bersamaan dengan 55.9% daripada purata 3 tahun iaitu 3,101mm, yang dicatatkan dalam tempoh yang sama bagi 2016, 2017 dan 2018.

Jadual berikut membandingkan jumlah hujan pada bulan September hingga Disember 2019 berbanding tempoh yang sama pada tahun 2018, 2017 dan 2016:

Perbandingan jumlah hujan yang dicatatkan di kawasan tадahan air dam bagi tempoh September hingga Disember 2019 berbanding 3 tahun sebelumnya.					
Empangan		2019	2018	2017	2016
1	Empangan Air Itam	702mm	1,150mm	1,599mm	1,982mm
2	Empangan Teluk Bahang	1,732mm	2,590mm	2,673mm	4,040mm

Memminimumkan Pelepasan

Sejak November 2019, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) telah memminimumkan pelepasan air mentah dari Empangan Air Itam dan Empangan Teluk Bahang.

Bagi memenuhi permintaan air ketika musim perayaan akhir tahun 2019, PBAPP mengoptimumkan pengeluaran air terawat di Loji Rawatan Air Sungai Dua di tanah besar, dan mengepam lebih banyak air terawat ke pulau itu.

Bermulanya musim kemarau 2020, kita perlu pastikan simpanan empangan kita dapat bertahan sehingga bermulanya hujan, pada bulan April atau Mei.

Jimat Air, Gunakan dengan berhemat

Sila gunakan 3 amalan berikut dengan segera untuk mengurangkan penggunaan air:

1. Elakkan penggunaan hos untuk membersihkan rumah anda atau mencuci kenderaan anda. Gunakan penyapu dan mop untuk membersihkan rumah anda. Kurangkan kekerapan mencuci kereta atau motosikal, dan gunakan baldi dan span apabila anda berbuat

demikian.

2. Elak menggunakan hos untuk menyiram kebun atau pokok-pokok anda setiap hari. Sebaliknya, gunakan penyiram.
3. Jangan biarkan air paip mengalir. Tutup semua paip selepas digunakan dan didik anak anda untuk mencontohnya.

Sila lawati www.pba.com.my untuk tip-tip jimat air.

Ini adalah rayuan penting kepada rakyat Pulau Pinang. Kita memerlukan kerjasama dan sokongan anda untuk memastikan tiada catuan air di Pulau Pinang ketika musim kemarau ini.


Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Tel : 04-200 6607
Email : syarifah@pba.com.my



PBA
Perbadanan Bekalan Air
Pulau Pinang Sdn Bhd
(475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda
Meeting all your water supply needs



14.1.2020: Air Itam Dam at 62.0% effective capacity © PBAPP 2020



PBA
Perbadanan Bekalan Air
Pulau Pinang Sdn Bhd
(475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda
Meeting all your water supply needs



14.1.2020: Air Itam Dam at 62.0% effective capacity © PBAPP 2020



PBA
Perbadanan Bekalan Air
Pulau Pinang Sdn Bhd
(475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda
Meeting all your water supply needs




14012020: Teluk Bahang Dam at 39.5% © PBAPP 2020



PBA
Perbadanan Bekalan Air
Pulau Pinang Sdn Bhd
(475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda
Meeting all your water supply needs



14012020: Teluk Bahang Dam at 39.5% © PBAPP 2020